

Source: Berita Harian, Page 1

Date: 10 April 2024

## Raya diketepi dulu kerana perlu jalani pembedahan tumor otak sehari sebelum Lebaran

ANWAR SALEH

Sedang ramai orang sibuk membuat persiapan menyambut ketibaan Hari Raya Aidilihtri, Encik Fazli Nasser, 39 tahun, terpaksa menunda segala persiapan kerana harus menjalani pembedahan di hospital. Pada 9 April, sehari sebelum Hari Raya Aidilihtri, bapa tiga anak kedi Itu menjalani pembedahan untuk membuang satu tumor barah yang tumbuh di bahagian otaknya

Malah, pembedahan itu juga dipalit ri-

Malah, pembedahan itu juga dipalit ri-siko hilang pengilhatannya. Ketika ditemui *Berita Harian* (BH) di flat sewanya di Jurong West beberapa hari sebelum pembedahannya, Encik Fazli keli-hatan bimbang dan sedih tidak dapat menvambut Hari Rava Aidilfitri bersama iste-

"Saya sudah belikan baju Hari Raya untuk anak-anak saya. "Memandangkan saya akan menjalani

pembedahan ini, saya harap saya akan ce-pat pulih, jadi boleh sempat menyambut Raya pada Syawal. "Saya mahu cepat-cepat jalani pembe-

"Saya mahu cepat-cepat jalanı pembedahan ini supaya saya dapat mulakan lembaran baru pada Syawal bersama keluarga saya," kata Encik Fazli.
Pada 2020, Encik Fazli disahkan menghidap penyakit chordoma, sejenis barah tulang yang jarang ditemui. Ia boleh berlaku di tulang belakang atau pangkal tenglexrak

Bagi Encik Fazli, ia bermula dengan simptom tidak dapat menggerakkan bola mata kirinya dengan bebas dan merasakan sensasi luar biasa di sebelah kiri mukanya.

Pada mulanya, beliau menyangka diri-nya sedang mengalami simptom angin ah-

ar. Beliau bergegas ke Jabatan Kemalang-



versiti Nasional (NUH) untuk diperiksa.

Setelah beberapa ujian, termasuk men-jalani imbasan tomografi berkomputer (CT Scan), doktor memberitahunya baha-wa beliau mempunyai tumor di bahagian otaknya.

Pembedahan pada 9 April adalah pembedahan ketiga Encik Fazli untuk membu-ang bahagian tumornya yang telah menja-di keras.

Meskipun dibelenggu dengan ketidak-tentuan, beliau tidak ingin menunjukkan sebarang kebimbangan terhadap ketiga-ti-ga anaknya – Yusuf Ilham, tujuh tahun; So-fia Aamal, enam tahun; dan Noah Ilham, tiga tahun.

Baginya, mereka terlalu kecil untuk memahami keadaan yang dialami ayah mereka itu

Isterinya, Cik Mayang Sari, 31 tahun, merupakan tulang belakangnya yang telah

banyak menyokongnya sebagai suri rumah untuk menjaga anak-anaknya.

Encik Fazli berkata pada mulanya beliau merancang menyambut Hari Raya se-perti biasa pada 1 Syawal, tetapi apabila di-beritahu bahawa tarikh terawal untuk pembedahannya jatuh pada 9 April, beliau tidak mahu menundanya.

tudak mahu menundanya.
Buat masa ini, beliau berkata penyakit
itu masih belum menjejas keupayaannya
bekerja atau berinteraksi, tetapi boleh
menjejas wajah serta penglihatannya jika
tidak menjalani rawatan.

tidak menjalani rawatan.
Bercakap dengan *BH*, Encik Fazli berkata beliau bimbang kerana jika apa-apa yang berlaku, ia akan menjejas keluarganya memandangkan beliau adalah pencari nafkah tunggal.

Menurut doktornya, Penolong Profesor Vincent Nga, chordoma jarang berlaku, dengan kira-kira satu kes yang didiagnosis bagi setiap juta orang di serata dunia.

Dr Nga merupakan Ketua dan Konsultan Kanan di Institut Tulang Belakang Uni-

Encik Fazli Nasser tidak dapat menyambut Hari Raya Aidilfitri pada 1 Syawal kerana

terpaksa menjalani pembedahan untuk membuang tumor barah yang tumbuh di bahagian otaknya. Bersamanya adalah isterinya. Bersarrianya adalah isterinya Cik Mayang Sari, dan anak-anaknya, Sofia Aamal (berbaju merah jambu) dan Yusuf Ilham. – Foto BH oleh KHALID BABA

versiti Nasional di Sistem Kesihatan Universiti Nasional (NUHS).
Pada Jun 2020, Encik Fazli menjalani
pembedahan pertamanya di NUH untuk
membuang tumor yang berada di tulang

pangkal tengkoraknya. Pada Mac 2023, beliau menjalani kraniotomi, sebuah prosedur untuk memotong dan mengeluarkan sementara sekeping tulang tengkorak untuk mengakses otak, untuk membuang lebih banyak tumor yang telah tumbuh semula.

Pada 9 April, Encik Fazli menjalani satu lagi kraniotomi di Hospital Tan Tock Seng (TTSH) untuk membuang sebahagian tu-mor yang berhampiran dengan saraf op-

■ Tabah sambut Lebaran - Muka 7-11